

BALDATUN
THOIYYIBATUN

PELITA DIDALAM KACA



BALDATUN THOIYYIBATUN

PELITA DI DALAM KACA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



BALDATUN THOIYYIBATUN

Penulis
PELITA DI DALAM KACA



PUSTAKA PERDANA



1008597

Diterbitkan oleh
PUSTAKA KANZUN MAHFIYYAN
2.4314, KM 8, Jalan Gambang.
25150 Kuantan.
Pahang Darul Makmur
Hp 013-9098135
E-mail kputaka@yahoo.com

a PELITA DI DALAM KACA
Cetakan Pertama Januari 2011

Hak Cipta Terpelihara.

Setiap bahagian daripada novel ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman, mekanika dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada
PUSTAKA KANZUN MAHFIYYAN

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalan dalam Penerbitan

PELITA DI DALAM KACA, 1952
BALDATUN THOIYYIBATUN PELITA DI DALAM KACA
ISBN 978-967 1029404

1. Malay fiction 2. Modern Islamic State 3. Metaphysical concept and Sufism
4. Islamic way of life 5. Judul
Reka Bentuk Kulit: Mohd Hafez Salleh
Muka Taip Teks: Times New Roman
Saiz Muka Taip: 11

RM 30.00

Dicetak oleh
Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd. (8763 H)
Jalan Tanjong Api Off Jalan Teluk Sirsek
25050 Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel. 09-5177225, 5177031 & 5177025
Fax 09-5139434



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

*Buat ibu dan bapak,
isteriku
dan anak-anakku yang aku kasahi.*



KANDUNGAN

KHAMIS, 13 OGOS 2020	1
JUMAAT, 14 OGOS 2020	41
SABTU, 15 OGOS 2020	111
AHAD, 16 OGOS 2020	134
ISNIN, 17 OGOS 2020	174
SELASA, 18 OGOS 2020	223
RABU, 19 OGOS 2020	256
KHAMIS, 20 OGOS 2020	288
JUMAAT, 21 OGOS 2020	315
SABTU, 22 OGOS 2020	343
AHAD, 23 OGOS 2020	360



Khamis 13 Ogos 2020

I

“Datanglah! Datanglah sekarang”, pelawa Tengku Kamal Izzuddin Syah kepadanya menerusi perbualan internet beberapa bulan yang lalu.

“Datanglah! Saksikanlah fajar 2020 yang sedang menyingsing ini!

“Kenapa?”

“Andainya saudara mengikuti sejarah Malaysia moden atau Tanah Melayu moden tentu sekali saudara tahu kerana saudara adalah pengkaji sejarah kebangkitan bangsa-bangsa tersohor - tentu saudara tahu bahawa pada awal dekad 1990an atau tepatnya pada 28 Februari 1991 kira-kira lampau 29 tahun yang lalu, Perdana Menteri

Malaysia yang ke empat ketika itu Tun Dr. Mahathir Muhammed, Bapa Malaysia Moden telah menginspirasi betapa Malaysia akan menjadi negara maju yang moden pada tahun 2020”

“Betulkah?”, dia seolah-olah menjadi orang bodoh yang bagaikan tidak pernah mendengar apa-apa mengenai angka keramat 2020 yang masyhur itu apabila mengemukakan soalan itu

“Ada pelbagai pihak pada akhir kurun yang lalu itu memandang sinis – penuh prasangka, dengki, iri hati dan benci, dan tidak kurang pula yang meletakkan harapan tinggi menggunung teristimewa Bangsa Melayu. Tapi saudara percayakah?”

“Percaya apa?”

“Titik peralihan! Babak pada sebuah era baru Era sebuah bangsa muda yang belum pernah lagi mendominasi dunia dan belum pernah cemerlang. Bangsa yang belum pernah bersinggahsana di persada dunia. Bangsa Melayu! Bangsa Melayuku Bangsa Melayu Islam yang mula muncul sebagai bangsa agung pada milineum ini Kabilah pada akhir zaman. Inilah waktunya!”

“Barangkali...Ini masih kebarangkalian sebenarnya, tapi majoriti orang-orang Melayu berkeyakinan besar kerana umat Muhammad saw tetap akan bangkit pada akhir zaman sebelum Islam kembali menjadi dagang. Saya percaya Bangsa Melayulah bangsa yang paling terkehadapan pada millennium ini, setelah didahului oleh Arab Quraisy yang menjadi terkemuka pada permulaan Tahun Hijrah, 622M dahulu”